

PROCEEDINGS ICE 2017 P493 – P500
ISBN 978-967-0521-99-2

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI BELIA UNTUK TIDAK BEKERJA:
 KAJIAN KES DI DAERAH TAWAU, SABAH**

Abd. Kadir Bin Batong, Rostika Petrus Boroh dan Beatrice Lim*

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

*Penulis dihubungi: beatrice@ums.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tempoh masa tidak bekerja di kalangan belia berumur 15 hingga 40 tahun di daerah Tawau, Sabah. Data yang diperolehi daripada 211 orang responden dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa faktor jantina, bilangan tahun persekolahan dan tinggal menetap dengan siapa mempengaruhi keputusan belia untuk tidak bekerja. Manakala faktor lain termasuk umur, kumpulan etnik dan status perkahwinan tidak mempengaruhi keputusan individu untuk tidak bekerja. Analisis regresi menunjukkan faktor bilangan tahun persekolahan mempunyai hubungan yang negatif dengan keputusan untuk tidak bekerja. Ini menunjukkan bahawa pendidikan merupakan faktor penting yang dapat mengurangkan tempoh masa belia tidak bekerja. In kerana pendidikan sering kali dikaitkan dengan peningkatan pengetahuan dan kemahiran individu yang dapat mempertingkatkan kebolehpasaran individu dalam pasaran kerja.

Kata Kunci: Tidak bekerja, belia, Tawau, pendidikan

1.0 Pengenalan

Pengangguran adalah masalah makroekonomi yang mempengaruhi manusia secara langsung dan merupakan isu yang hangat diperkatakan. Jadi tidak hairanlah jika pengangguran menjadi topik yang sering dibicarakan dalam perdebatan politik dan para ahli politik sering menjadikan isu ini sebagai modal politik mereka dengan menawarkan peluang pekerjaan yang banyak jika mampu memegang tampuk pemerintahan (Mankiw 2003). Selain itu, pengangguran didefinisikan sebagai suatu keadaan dimana seseorang yang tergolong dalam pencari kerja yang ingin mendapatkan pekerjaan tetapi belum memperolehnya (Sadono Sukirno, 2000).

Pengangguran merupakan salah satu sumber manusia yang terbuang dengan percuma. Pengangguran mempunyai potensi untuk memberikan kesan kepada pendapatan negara, tetapi mereka tidak melakukannya. Kehilangan pekerjaan membuat seseorang menjadi pengangguran. Seseorang yang kehilangan pekerjaan bererti mengalami penurunan kualiti kehidupan dan tekanan psikologi. Semakin banyak seseorang yang kehilangan pekerjaan, maka pengangguran menjadi tinggi. Akibat pengangguran tinggi, beban hidup menjadi kompleks (Mankiw, 2003). Sikap terlalu memilih pekerjaan merupakan faktor utama meningkatnya bilangan pengangguran di negara ini. Walaupun pelbagai usaha dilakukan

kerajaan bagaimanapun jika pencari pekerjaan itu masih meletakkan beberapa syarat maka peluang pekerjaan seolah-olah tertutup buat mereka.

Laporan yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 17 Mac 2017 meletakkan kadar penyertaan tenaga buruh di Malaysia sebanyak 67.7 peratus yang mewakili 14.366 juta orang yang memperlihatkan bilangan tenaga buruh naik 0.6 peratus pada Januari 2017 berbanding bulan sebelumnya.

Jadual 1.1: Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia pada Januari 2017.

Indikator	Bulan sebelum			Bulan sama pada tahun sebelum	
	Januari 2017	Disember 2016	Perubahan (%)	Januari 2016	Perubahan (%)
Tenaga buruh ('000)	14,880.9	14,788.9	0.6	14,652.0	1.6
Bekerja ('000)	14,366.8	14,276.7	0.6	14,150.5	1.5
Penganggur ('000)	514.1	512.2	0.4	501.5	2.5
Luar tenaga buruh ('000)	7,090.4	7,072.8	0.2	6,984.2	1.5
Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) (%)	67.7	67.6	0.1	67.7	-
Kadar pengangguran (%)	3.5	3.5	-	3.4	0.1
Pelarasan musim Kadar pengangguran (%)	3.3	3.5	-0.2	3.2	0.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kajian ini bermula pada Januari 2017 sehingga September 2017 yang merangkumi ruang kajian di sekitar daerah Tawau iaitu sekitar kawasan bandar Tawau, pinggir bandar Tawau dan kawasan luar bandar Tawau. Kajian ini penting bagi mengenalpasti sejauhmana jumlah belia yang tidak bekerja di Tawau ini sambil mengetahui punca sebenar yang menjadi penyumbang kepada kegagalan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, mengetahui sejauhmanakah faktor-faktor di peringkat global menjadi faktor yang sama dalam mempengaruhi keputusan belia di daerah Tawau untuk tidak bekerja. Seterusnya hasil daripada kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan, bahan bacaan dan tambahan ilmu pengetahuan bagi bidang berkaitan. Akhirnya dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pembangunan negara seiring dengan kemajuan sosio-ekonomi golongan belia di Malaysia.

2.0 Sorotan Kajian Lepas

Selepas krisis kewangan global, penduduk dunia terutamanya dari kalangan golongan muda telah menerima kesan yang negatif akibat kemelesetan yang teruk, persekitaran ekonomi yang lembap dan pemulihan yang perlahan serta pertambahan pekerjaan yang agak rendah menurut Scarpetta et. al (2010). Kadar pengangguran belia global meningkat daripada 11.7%, iaitu kadar sebelum krisis pada tahun 2007, kepada 13.1% pada tahun 2009, hingga kadar tertinggi pernah dicapai iaitu 13.2% pada tahun 2013. Kadar ini dianggarkan kekal tinggi pada 13.1% pada tahun 2016.

Kadar pengangguran belia adalah kira-kira tiga kali kadar pengangguran orang dewasa, dan lebih dua kali kadar pengangguran global. Angka-angka ini merangkumi lebih 70 juta anak muda di seluruh dunia yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organisation, ILO) melaporkan bahawa trend pengangguran belia akan meningkat lagi pada tahun 2017, khususnya dalam kalangan negara sedang pesat membangun, selepas pulih sedikit antara tahun 2012 hingga 2015. ILO juga merujuk kajian-kajian yang mendapati bahawa pengangguran belia pada usia

muda mempunyai kesan negatif jangka panjang yang serius ke atas pendapatan dan risiko pengangguran pada masa hadapan, terutamanya bagi belia yang menjadi penganggur sebaik sahaja memperoleh ijazah daripada universiti menurut ILO (2016).

Kajian mengenai isu pengangguran di Malaysia merangkumi pelbagai sudut, sama ada dari segi penawaran buruh itu sendiri ataupun dari sudut prespektif makroekonomi. Kajian yang dilakukan oleh Zaleha Mohd Noor, Norashidah Mohamed Nor dan Judhiana Abdul Ghani (2007) yang menguji peraturan Okun's di Malaysia dengan menggunakan data tahunan siri masa dari tahun 1970 hingga 2004 mendapati terdapat hubungan yang negatif antara kadar pengangguran dan KDNK benar. Walau bagaimanapun pekali bagi kadar pengangguran lebih kecil daripada yang diperolehi oleh Okun iaitu penurunan 1 peratus pengangguran akan membawa peningkatan sebanyak 1.75 peratus dalam KDNK potensi. Hasil kajian juga menunjukkan wujudnya penyebab dua arah bagi pembolehubah pengangguran dan KDNK. Penurunan pengangguran akan mengembangkan ekonomi dan dalam masa yang sama peningkatan dalam aktiviti ekonomi akan mengurangkan pengangguran.

Kajian Tingi & Lingii (2011), turut mengesahkan kewujudan peraturan Okun di Malaysia. Hasil kajian yang menggunakan pendekatan Autogressive Distribited Lag (ARDL) menunjukkan hubungan negatif yang stabil bagi kadar pengangguran dan pertumbuhan output untuk tempoh jangka masa panjang. Kajian oleh Thirunaukarasu (2008), menganalisis hubungan dinamik antara FDI, pengangguran, pertumbuhan ekonomi dan eksport. Dengan menggunakan teknik VAR, hasil kajian mendapati pertumbuhan ekonomi dan eksport sebagai penentu utama terhadap pengangguran di Malaysia. Justeru adalah penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan menguatkan sektor berorientasikan eksport untuk memastikan pengangguran yang rendah. Rasiah (2002) dalam kajiannya melihat sejauh mana perkembangan perdagangan dalam sektor pembuatan mempengaruhi guna tenaga, kemahiran dan upah, mendapati FDI merupakan jentera utama dalam pertumbuhan eksport pembuatan. Hasil kajian mendapati pelaburan langsung asing yang menguasai sebahagian besar pengeksporan barang pembuatan telah mengurangkan kadar pengangguran dengan kadar inflasi yang kekal rendah.

Furuoka (2007) melihat hubungan antara kadar inflasi dan kadar pengangguran bagi tempoh 1973 hingga 2004. Hasil kajian yang menggunakan Kaedah Pembetulan Ralat Vektor (VECM) mendapati wujud hubungan yang negatif bagi tempoh jangka masa panjang antara kadar inflasi dan kadar pengangguran. Kajian juga mendapati wujud hubungan penyebab granger antara kadar pengangguran dan kadar inflasi dalam jangka masa pendek. Ulasan kajian lepas, sama ada di peringkat antarabangsa ataupun Malaysia, mendapati terdapat pelbagai faktor utama yang menyebabkan berlakunya pengangguran di sesebuah negara. Paling jelas ialah, terdapat hubungan yang songsang antara pengangguran dengan output negara. Namun begitu, dapatan kajian lepas turut menunjukkan bahawa faktor-faktor penentu kepada masalah pengangguran adalah tidak konklusif. Oleh itu, kertas ini bertujuan menganalisis hubungan pengangguran dengan beberapa pembolehubah makroekonomi yang dianggap penting dalam konteks ekonomi Malaysia.

3.0 Metodologi

3.1 Pembentukan Sampel

Sampel yang dicadangkan dalam kajian ini adalah golongan yang tidak bekerja dalam kalangan belia di Malaysia. Lokasi cadangan adalah di sekitar daerah Tawau, Sabah yang mempunyai populasi penduduk seramai 412,375 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Rasional pemilihan sampel yang memfokuskan kepada golongan yang tidak bekerja dalam kalangan belia yang berumur 15 hingga 40 tahun kerana kajian ini masih merangkumi ruang lingkup yang lebih luas iaitu negeri Sabah. Namun begitu, kajian ini lebih kepada golongan belia yang belum mendapat pekerjaan yang menetap di daerah Tawau.

Kajian ini turut bertujuan untuk mendapatkan sampel yang homogen. Pemilihan sampel adalah secara rawak dan saiz sampel adalah seramai 211 orang yang tidak bekerja. Sebanyak 230 borang soal selidik telah di hantar kepada sampel dalam kategori belia yang tidak bekerja. Namun begitu hanya 211 sampel sahaja yang sampai untuk dianalisis dan 19 borang soal selidik lagi tidak dihantar balik oleh responden. Borang soal selidik ini merangkumi soalan demografi yang berkaitan dengan jantina, umur, etnik, agama, tahap kelulusan, tempoh lama tidak bekerja, tempat tinggal, status perkahwinan, bilangan isi rumah dan tinggal menetap dengan siapa kini serta ruang cadangan untuk diisi oleh responden.

3.2 Rangka Kerja Teoritik

Rangka kerja yang dicadangkan adalah bagi menentukan hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi belia dan tempoh tidak bekerja dapat diramalkan dengan menggunakan persamaan berikut.

$$Y = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \alpha$$

Di mana

Y	=	Tempoh Tidak Bekerja (Bulan)
X_1	=	Jantina
X_2	=	Umur
X_3	=	Etnik
X_4	=	Tempoh Persekolahan (Tahun)
X_5	=	Status Perkahwinan
X_6	=	Tinggal Menetap Kini
α	=	Ralat

3.3 Hipotesis

Hipotesis umum yang dianggarkan adalah kesemua faktor yang disenaraikan diandaikan mempengaruhi belia di daerah Tawau untuk tidak bekerja. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

H_0	=	Faktor jantina tidak mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
H_1	=	Faktor jantina mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
H_0	=	Faktor umur yang meningkat tidak mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
H_1	=	Faktor umur yang meningkat mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
H_0	=	Faktor etnik tidak mempengaruhi belia untuk tidak bekerja
H_1	=	Faktor etnik mempengaruhi belia untuk tidak bekerja
H_0	=	Faktor tempoh persekolahan (tahun) tidak mempengaruhi belia untuk tidak bekerja
H_1	=	Faktor tempoh persekolahan (tahun) mempengaruhi belia untuk tidak bekerja
H_0	=	Faktor status perkahwinan tidak mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
H_1	=	Faktor status perkahwinan mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja

- H_0 = Faktor tinggal menetap dengan siapa kini tidak mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
- H_1 = Faktor tinggal menetap dengan siapa kini mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja

4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Analisis Regresi

Jadual 4.1: Regresi
Variables Entered/Removed^a

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Tempat Menetap Kini, Jantina, Etnik, Tempoh Persekolahan (Tahun), Umur, Status perkahwinan ^b		Enter

a. Dependent Variable: Tempoh Tidak Bekerja (Bulan)

b. All requested variables entered.

Model Summary^b

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.410 ^a	.168	.144	23.668

a. Predictors: (Constant), Tinggal Menetap Kini, Jantina, Etnik, Tempoh Persekolahan (Tahun), Umur, Status perkahwinan

b. Dependent Variable: Tempoh Tidak Bekerja (Bulan)

Berdasarkan ujian regresi berganda di atas, nilai R Square adalah 0.168. Ini bermakna pembolehubah yang tidak bersandar dapat menerangkan 16.8 peratus pembolehubah bersandar.

Jadual 4.2 menerangkan tentang analisis regresi yang mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi belia membuat keputusan untuk tidak bekerja serta tempoh lama tidak bekerja.

Jadual 4.2: Keputusan Analisis Regresi

Coefficients^a

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	-1.087	8.723		-.125	.901
Jantina	10.213	3.434	.197	2.974	.003
Umur	2.678	1.901	.104	1.409	.160
Etnik	.845	1.448	.038	.583	.560
Tempoh Persekolahan (Tahun)	-1.078	.519	-.141	-2.078	.039
Status perkahwinan	4.375	4.408	.084	.992	.322
Tinggal Menetap Kini	4.952	2.294	.179	2.159	.032

a. Dependent Variable: Tempoh Tidak Bekerja (Bulan)

4.1.1 Faktor Jantina

- H_0 = Faktor jantina tidak mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
 H_1 = Faktor jantina mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja

Jadual menerangkan nilai beta adalah 0.197 dengan nilai signifikan adalah 0.003. Hal ini jelas menunjukkan nilai signifikan kurang daripada 0.05. Maka boleh dikatakan bahawa faktor jantina menyebabkan belia di daerah Tawau mengambil keputusan untuk tidak bekerja. Ini kerana nilai signifikan adalah kurang daripada nilai signifikan 0.05 ke bawah ($0.000 < 0.05$) iaitu pada aras keyakinan 95 peratus. Dengan ini H_1 akan diterima dan H_0 ditolak.

4.1.2 Faktor Umur

- H_0 = Faktor umur yang meningkat tidak mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
 H_1 = Faktor umur yang meningkat mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja

Jadual menerangkan nilai beta adalah 0.104 dengan nilai signifikan adalah 0.160. Hal ini jelas menunjukkan nilai signifikan lebih daripada 0.05. Maka boleh dikatakan bahawa faktor umur yang meningkat tidak mempengaruhi belia di daerah Tawau mengambil keputusan untuk tidak bekerja. Ini kerana nilai signifikan adalah lebih daripada nilai signifikan 0.05 ke bawah ($0.000 < 0.05$) iaitu pada aras keyakinan 95 peratus. Dengan ini H_0 akan diterima dan H_1 ditolak.

4.1.3 Faktor Etnik

- H_0 = Faktor etnik tidak mempengaruhi belia untuk tidak bekerja
 H_1 = Faktor etnik mempengaruhi belia untuk tidak bekerja

Jadual menerangkan nilai beta adalah 0.038 dengan nilai signifikan adalah 0.560. Hal ini jelas menunjukkan nilai signifikan lebih daripada 0.05. Maka boleh dikatakan bahawa faktor etnik tidak mempengaruhi belia di daerah Tawau mengambil keputusan untuk tidak bekerja. Ini kerana nilai signifikan adalah lebih daripada nilai signifikan 0.05 ke bawah ($0.000 < 0.05$) iaitu pada aras keyakinan 95 peratus. Dengan ini H_0 akan diterima dan H_1 ditolak.

4.1.4 Faktor Tempoh Persekolahan (Tahun)

- H_0 = Faktor tempoh persekolahan (tahun) tidak mempengaruhi belia untuk tidak bekerja
 H_1 = Faktor tempoh persekolahan (tahun) mempengaruhi belia untuk tidak bekerja

Jadual menerangkan nilai beta adalah -0.141 dengan nilai signifikan adalah 0.039. Hal ini jelas menunjukkan nilai signifikan kurang daripada 0.05. Maka boleh dikatakan bahawa faktor tempoh persekolahan (tahun) mempengaruhi belia di daerah Tawau mengambil keputusan untuk tidak bekerja. Ini kerana nilai signifikan adalah kurang daripada nilai signifikan 0.05 ke bawah ($0.000 < 0.05$) iaitu pada aras keyakinan 95 peratus. Dengan ini H_1 akan diterima dan H_0 ditolak.

4.1.5 Faktor Status Perkahwinan

- H_0 = Faktor status perkahwinan tidak mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
- H_1 = Faktor status perkahwinan mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja

Jadual menerangkan nilai beta adalah 0.084 dengan nilai signifikan adalah 0.322. Hal ini jelas menunjukkan nilai signifikan lebih daripada 0.05. Maka boleh dikatakan bahawa faktor majikan dan jenis pekerjaan tersebut menyebabkan belia di daerah Tawau mengambil keputusan untuk tidak bekerja. Ini kerana nilai signifikan adalah lebih daripada nilai signifikan 0.05 ke bawah ($0.000 < 0.05$) iaitu pada aras keyakinan 95 peratus. Dengan ini H_0 akan diterima dan H_1 ditolak.

4.1.6 Faktor Tinggal Menetap Kini

- H_0 = Faktor tinggal menetap dengan siapa kini tidak mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja
- H_1 = Faktor tinggal menetap dengan siapa kini mempengaruhi belia mengambil keputusan untuk tidak bekerja

Jadual menerangkan nilai beta adalah 0.179 dengan nilai signifikan adalah 0.032. Hal ini jelas menunjukkan nilai signifikan kurang daripada 0.05. Maka boleh dikatakan bahawa faktor tinggal menetap dengan siapa kini mempengaruhi belia di daerah Tawau mengambil keputusan untuk tidak bekerja. Ini kerana nilai signifikan adalah kurang daripada nilai signifikan 0.05 ke bawah ($0.000 < 0.05$) iaitu pada aras keyakinan 95 peratus. Dengan ini H_1 akan diterima dan H_0 ditolak.

5.0 Kesimpulan

Secara amnya, perubahan dalam pembangunan ekonomi negara ditentukan juga dengan penglibatan belia dalam dunia pekerjaan. Sektor yang memerlukan penglibatan rakyat tempatan seperti pertanian, perladangan, perkilangan dan pembuatan kini masih kurang dikuasai oleh belia tempatan kerana masih mengharapkan penerimaan majikan di sektor perniagaan, pengkeranian dan komunikasi. Namun sektor tersebut telah pun diisi kebanyakannya oleh belia lepasan pengajian tinggi. Sektor tersebut juga memerlukan belia yang berpendidikan tinggi serta kemahiran yang sesuai dengan kehendak majikan.

Kebanyakan belia yang telah mendapat pekerjaan dalam kajian ini merupakan lepasan pengajian tinggi yang sememangnya terpaksa mendapatkan pekerjaan walau apa sektor sekali pun atas desakan hidup yang memerlukan mereka membayar semula hutang pengajian yang belum dibayar. Mereka terpaksa bekerja dengan memenuhi ruang kerja yang sepatutnya dipenuhi oleh belia lepasan persekolahan namun bagi mengelakkan daripada mereka termasuk dalam statistik pengangguran negara, maka mereka terpaksa melakukan apa jenis pekerjaan sekali pun.

Secara keseluruhannya, kajian ini memenuhi kehendak objektif penyelidik yang mahu mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi belia daerah Tawau untuk tidak bekerja. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah kebanyakan belia daerah Tawau yang tidak bekerja merupakan belia yang berumur 25 tahun ke bawah yang hanya menerima pendidikan hanya setakat SPM dan ke bawah berbanding belia yang berpendidikan tinggi. Belia lelaki menyumbang statistik terbanyak berbanding belia perempuan serta belia luar bandar lagi ramai tidak bekerja berbanding belia yang tinggal di bandar. Konklusinya, keputusan yang telah diperoleh melalui borang kaji selidik adalah menepati objektif keseluruhan kajian dan mampu menafsir sedikit punca belia tidak bekerja yang tinggal di daerah Tawau, Sabah.

Rujukan

- Buku Tahunan Perangkaan Sabah. 2014. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Furuoka, Fumitaka. 2007. Does the “*Phillips Curve*” Really Exist? *New Empirical Evidence from Malaysia.* Economics Bulletin, Vol. 5, No. 16 pp. 1-1
- International Labour Organization (ILO). 2016. “*World Employment and Social Outlook: Youth*”.
- Kamus Dewan, Edisi Ke-4, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2016. *Touch Points on the 2017 Budget.* <https://www.pmo.gov.my/bajet2017>
- Laporan Rancangan Malaysia Ke-11, Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Noor, Zaleha, Mohamed Nor, Norashidah and Abdul Ghani, Judhiana. 2007. The Relationship Between Output And Unemployment In Malaysia: Does Okun's Law exist?, *International Journal of Economics and Management*, 1(3), 337-344.
- Sadono Sukirno, Makro Ekonomi Modern. 2000. *Perkembangan Pemikiran dari Klasik Hingga Keynesian Baru*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Scarpetta, S., Sonnet A., and Manfredi T. 2010. ‘*Rising Youth Unemployment during the Crisis: How to Prevent Negative Long-term Consequences on a Generation?*’ OECD Social, Employment and Migration Papers, No. 106, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.
- Thirunaukarasu Subramaniam. 2008. *The Dynamic Interactions Among Foreign Direct Investment, Unemployment, Economic Growth and Exports: Evidence from Malaysia.* Jati, vol.13. pp. 3548.
- Tingi N.Y & Lingii L.S. 2011. *Okun’s Law in Malaysia: An Autogressive Distributed Lag (ARDL) Approach with Hodrick-Prescott (HP) Filter.* Journal of Global Business and Economics, Vol 2(1).
- World Bank. 2011. ‘*Brain Drain.*’ *Malaysian Economic Monitor*, Bangkok: World Bank Office.
- World Bank. 2014. ‘*Boosting Trade Competitiveness.*’ *Malaysian Economic Monitor*, Bangkok: World Bank Office.